


MAC 2025

JABATAN KEWANGAN SOSIAL



ISI KANDUNGAN

M/S	TAJUK
1	MAJLIS PENYERAHAN REPLIKA KUNCI KLINIK PERGIGIAN BERGERAK WAKAF SELANGOR MUAMALAT - UNIVERSITI MALAYA
2	MESYUARAT PELAKSANAAN PROGRAM ITEKAD BERSAMA MALAYSIAN ASSOCIATION FOR THE BLIND (MAB)
2	PROGRAM PENYERAHAN WAKAF SELANGOR MUAMALAT KEPADA SEKOLAH KEBANGSAAN DESA BAIDURI
3	MAJLIS PENYERAHAN WAKAF SELANGOR MUAMALAT KEPADA HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
3	SUMBANGAN WAKALAH ZAKAT BERSAMA KEPADA KAKITANGAN EN AIZIL SYAHRIL
4	MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ZAKAT BERSAMA ANAK YATIM & ASNAF KEPADA PERTUBUHAN WANITA ANNUR
4	SUMBANGAN WAKALAH ZAKAT HIDAYAH CENTRE FOUNDATION (HCF)
5	MAJLIS IFTAR DAN PENYERAHAN WAKALAH ZAKAT KEPADA 29 ASNAF DI KAMPUNG BATANG KALI
5	PROGRAM MAHABBAH RAMADAN DAN SUMBANGAN ZAKAT DI SEKOLAH KEBANGSAAN DESA PANDAN
6	TAKLIMAT PROGRAM WAKAF DAN JARIAH FUND SECARA MENYELURUH DI SEBAHAGIAN TINGKAT BANGUNAN BMMB
7	MAJLIS KHATAM AL-QURAN, PENYERAHAN WAKALAH ZAKAT DAN WAKAF SERTA IFTAR PERDANA
7	SUMBANGAN WAKALAH ZAKAT KEPADA MANAGEMENT SCIENCE UNIVERSITY (MSU)
8	PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2024 KEPADA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

ISI KANDUNGAN

M/S	TAJUK
8	MAJLIS AGIHAN ZAKAT KEPADA KAKITANGAN SOKONGAN BANK MUAMALAT
9	PROGRAM MAJLIS KHATAM AL-QURAN PERDANA & SUMBANGAN WAKALAH ZAKAT BMMB 2025
10	PROGRAM SEBUAH KEIKHLASAN, SEJUTA KEBERKATAN DI RUMAH KANAK-KANAK SULTANAH HAJAH KALSOM
10	MAJLIS AGIHAN ZAKAT KEPADA PERKIM CAWANGAN AMPANG
11	MAJLIS AGIHAN ZAKAT KEPADA PELAJAR ASNAF SK SEREMBAN JAYA
11	MAJLIS AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF SEMPENA IHYA' RAMADAN DI SURAU AS SOBIRIN
12	MAJLIS PENYERAHAN KLINIK BERGERAK KEPADA KPJ OLEH BMMB
12	MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ZAKAT KEPADA SK TAMAN PAROI JAYA
13	MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN SMART INTERACTIVE TV KEPADA SMK TUANKU ABDUL RAHMAN RAWANG
13	MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN SMART INTERACTIVE TV KEPADA SMK SERI GARING RAWANG
14	MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ZAKAT KEPADA MASJID JAMEK BATU ARANG
14	MAJLIS PENUTUPAN DAN KHATAM AL-QURAN PERINGKAT SK TELOK GADONG, KLANG

UCAPAN KETUA JABATAN KEWANGAN SOSIAL



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama menyambut bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini. Saya, Hj Zaharuddin Alias selaku Ketua Jabatan Kewangan Sosial, ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi beberapa pencapaian yang telah kita capai sepanjang bulan yang mulia ini.

Dengan penuh rasa syukur, saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Kewangan Sosial (SFD) telah berjaya menyalurkan sumbangan wakalah zakat sebanyak RM513,992.73 kepada golongan asnaf. Berkerjasama dengan Wakaf Selangor Muamalat (WSM) dan Wakaf Negeri Sembilan Muamalat (WNSM), sumbangan dana wakaf berjumlah 63,749.81 telah disalurkan kepada projek wakaf berkaitan Pendidikan dan Kesihatan di sepanjang Ramadan. Projek Pendanaan Awam melalui aktiviti dana Jariah (*Jariah Fund*) telah berjaya mengumpul sumbangan lebih dari RM7,200 daripada kakitangan bank dan orang ramai melalui kemudahan imbasan kod QR di portal rasmi Jariah Fund. Usaha murni ini bukan sahaja bertujuan untuk memeriahkan keberkatan di bulan Ramadhan, tetapi juga mencerminkan komitmen Bank Muamalat dalam membantu golongan yang memerlukan dan menyokong pembangunan sosial masyarakat. Semoga Allah memberikan pahala yang berganda kepada semua para Pengeluaran Zakat, penyumbang Wakaf dan Jariah Fund

Mewakilil warga kerja SFD, Saya amat berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepada SFD dalam usaha menjalankan program-program yang memberi impak positif kepada masyarakat.

Bersama kita berdoa, semoga Allah SWT memberkati usaha kita dan menerima segala amal ibadah kita di bulan yang mulia ini. Marilah kita terus berusaha untuk membantu mereka yang memerlukan dan memperkuatkan ukhuwah dalam masyarakat kita.

Sekian, terima kasih.

Haji Zaharuddin Alias
Ketua Jabatan Kewangan Sosial
Bank Muamalat Malaysia Berhad



MAJLIS PENYERAHAN REPLIKA KUNCI KLINIK PERGIGIAN BERGERAK WAKAF SELANGOR MUAMALAT - UNIVERSITI MALAYA



03 MAC 2025- Jabatan Kewangan Sosial dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah menghadiri Majlis Penyerahan Replika Kunci Klinik Pergigian Bergerak Wakaf Selangor Muamalat - Universiti Malaya (WSM-UM) kepada DYMM Tuanku Sultan Selangor. Majlis telah diadakan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Dalam majlis tersebut, Pengerusi WSM, YBrs. Us. Azizi bin Che Seman telah menyerahkan replika kunci kepada DYMM Tuanku dan diiringi oleh Dato' Haji Ibrahim bin Yusof, Pengerusi PWS. Seterusnya, DYMM Tuanku menyerahkan kunci tersebut kepada Naib Canselor UM, Prof Dato' Seri Ir Dr Noor Azuan bin Abu Osman.

DYMM Tuanku Permaisuri Selangor dan DYMM Raja Muda Selangor turut meluangkan masa melawat klinik pergigian bergerak dan mendengar taklimat yang disampaikan oleh YBrs Prof Zamri bin Radzi, Timbalan Naib Canselor UM. Klinik Pergigian Bergerak WSM-UM merupakan antara projek Wakaf Muamalat dan juga myWakaf AIBIM.

MESYUARAT PELAKSANAAN PROGRAM ITEKAD BERSAMA MALAYSIAN ASSOCIATION FOR THE BLIND (MAB)



05 MAC 2025 - Jabatan Kewangan Sosial mengadakan mesyuarat pelaksanaan program iTEKAD bersama Malaysian Association for the Blind (MAB). Mesyuarat diteruskan dengan taklimat iTEKAD kepada usahawan MAB. Seramai 30 orang ahli MAB telah mendengar taklimat. Semoga pelaksanaan iTekad ini dapat memberi nilai tambah kepada golongan OKU Penglihatan.

PROGRAM PENYERAHAN WAKAF SELANGOR MUAMALAT KEPADA SEKOLAH KEBANGSAAN DESA BAIDURI



05 MAC 2025 - Program penyerahan Wakaf Selangor Muamalat berupa 2 buah penghawa dingin dan 5 buah komputer telah dilakukan oleh Hj Zaharuddin Alias kepada Guru Besar SK Desa Baiduri. Wakaf tersebut adalah bertujuan penggunaan pelajar yang di tempat di makmal komputer sekolah. Turut hadir di majlis penyerahan ialah wakil urusetia WSM En Mohd Hafiz, En Sapie dan En Ameer. Puan Nor Zakiah, Guru Besar Sekolah mewakili barisan Pengurusan mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada Wakaf Selangor Muamalat. Menurut beliau, komputer yang ada di makmal semuanya telah melebihi 10 tahun. Dengan 5 set komputer wakaf dan 2 buah penghawa dingin, ia memberikan kebaikan dan keselesaan kepada pelajar dan guru.



MAJLIS PENYERAHAN WAKAF SELANGOR MUAMALAT KEPADA HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



10 MAC 2025 - Majlis Penyerahan 10 Unit Kerusi Roda & 5 Unit Airport Link Chair Sumbangan Wakaf Selangor Muamalat (WSM) kepada Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (HSAASUPM) berjumlah RM10,150. Majlis penyerahan ini telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Nor Fadhlina Binti Zakaria, Timbalan Pengarah HSAASUPM. Turut hadir ke majlis tersebut Ustaz Anuar Hamzah Tohar, Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Dr. Izuwan Mahyudin, Ketua Jabatan Shariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) merangkap Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bersama WSM, Haji Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial BMMB, serta barisan Urusetia WSM yang diwakili oleh En Mohd Hafiz Bahari, En Sapie & Zulfikri Shuib.

SUMBANGAN WAKALAH ZAKAT BERSAMA KEPADA KAKITANGAN EN AIZIL SYAHRIL



13 MAC 2025 - Jabatan Kewangan Sosial dan Bahagian Modal Insan, BMMB telah menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM10,000 kepada En Aizil Syahril. En Aizil telah mengalami penyakit tumur otak sejak tahun 2020 dan telah menjalani pembedahan. Beliau kini tinggal menumpang di rumah adiknya di Brickfields Kuala Lumpur. Sumbangan zakat telah disampaikan oleh Tn Hj Zaharuddin Alias. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Puan Anis, Ketua Jabatan Perhubungan Perindustrian, Bahagian Modal Insan BMMB.

JABATAN KEWANGAN SOSIAL

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ZAKAT BERSAMA ANAK YATIM & ASNAF KEPADA PERTUBUHAN WANITA ANNUR



16 MAC 2025 - Jabatan Kewangan Sosial, BMMB bekerjasama dengan Pertubuhan Wanita Annur telah menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM7,500 kepada anak-anak yatim dan miskin. Seramai 75 orang asnaf telah diraikan pada majlis berbuka puasa di Hotel Maya, Kuala Lumpur. Semoga sumbangan ini akan memberikan keceriaan kepada anak-anak tersebut.

SUMBANGAN WAKALAH ZAKAT HIDAYAH CENTRE FOUNDATION (HCF)



17 MAC 2025 - Jabatan Kewangan Sosial, BMMB telah menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM5,000 kepada Hidayah Centre Foundation (HCF) bertempat di Taman Melawati. Sumbangan zakat telah disampaikan oleh Tn Hj Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Sosial. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Pengurus Perniagaan Kawasan dan kakitangan BMMB cawangan Taman Melawati. Semoga sumbangan ini dapat membantu HCF menjalankan kerja dakwah mereka.

MAJLISIFTAR DAN PENYERAHAN WAKALAH ZAKAT KEPADA 29 ASNAF DI KAMPUNG BATANG KALI



18 MAC 2025 - Majlis Iftar dan Penyerahan Wakalah Zakat kepada 29 Asnaf di beberapa kampung di Batang Kali, Selangor. Majlis pengagihan Wakalah Zakat berjumlah RM8,700 telah dilaksanakan oleh Hj Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial Bank Muamalat. Majlis yang diadakan di Desa Alam Ria, Btg Kali turut sama dihadiri oleh En Syarizal Sahidin, Bahagian Perbankan Komersial, barisan pengurusan masjid, wakil badan Perpanduan Negeri Selangor dan kepimpinan penduduk Kampung di sekitar Batang Kali.

PROGRAM MAHABBAH RAMADAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN DESA PANDAN



19 MAC 2025 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dengan penuh keprihatinan telah menyumbangkan RM3,150 kepada pelajar-pelajar asnaf serta RM1,000 kepada PIBG Sekolah Kebangsaan Desa Pandan. Sumbangan ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial BMMB kepada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Desa Pandan dan disaksikan oleh Dato' Seri Dr Mohammed Azman, Ketua Pegawai Eksekutif PERKESO. Turut hadir ialah En Amin Bin Misran, Bahagian Perbankan Runcit BMMB.

TAKLIMAT PROGRAM WAKAF DAN JARIAH FUND SECARA MENYELURUH DI SEBAHAGIAN TINGKAT BANGUNAN BMMB



19 MAC 2025- Jabatan Kewangan Sosial memberi taklimat tentang Wakaf dan Jariah Fund dari tingkat ke tingkat. Ini termasuk Customer Service Dept, Legal Department, Commercial Banking Division, Investment Banking Division, Corporate Communication Dept, Corporate Planning, Special Project Management Team, Retail Banking Division, dan Human Capital Division. Taklimat telah diberikan oleh Hj Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial, En Azim, Kakitangan Jabatan Kewangan Sosial, diikuti dengan Cik Aishah, Cik Farhana dan Cik Fairuz, Pelatih Jabatan Kewangan Sosial. Taklimat ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memberikan pemahaman lebih mendalam mengenai Jariah Fund dan Wakaf yang disediakan oleh Bank Muamalat. Melalui program taklimat ini, Jabatan Kewangan Sosial berjaya mengumpul RM1,590 untuk wakaf dan RM3,672 untuk Jariah Fund dalam tempoh satu hari.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN, PENYERAHAN WAKALAH ZAKAT DAN WAKAF SERTAIFTAR PERDANA



19 MAC 2025 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dengan penuh keprihatinan telah menyumbangkan wakalah zakat berjumlah RM10,000 kepada pelajar-pelajar asnaf UnIPSAS. Sumbangan ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial BMMB kepada Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob, YB Setiusaha Kerajaan Negeri Pahang merangkak Pengerusi Lembaga Pengarah Sistem Pendidikan

Islam Pahang Sdn Bhd. Semoga sumbangan ini membawa keberkatan dan manfaat kepada para pelajar asnaf UnIPSAS, selari dengan komitmen kami dalam membina kehidupan yang lebih baik bersama.

SUMBANGAN WAKALAH ZAKAT KEPADA MANAGEMENT SCIENCE UNIVERSITY (MSU)



20 MAC 2025 - Jabatan Kewangan Sosial BMMB telah menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM7,500 kepada Management Science University (MSU) bertempat di Shah Alam. Sumbangan zakat telah disampaikan oleh Tn Hj Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Sosial kepada Y.Bhg. Professor Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab Yajid, Pengasas & Presiden MSU. Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban penerima di kalangan asnaf.

PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2024 KEPADA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR



20 MAC 2025 - Bank Muamalat membuat pembayaran Zakat Perniagaan bagi tahun 2024 berjumlah RM1,953,305.50 kepada Lembaga Zakat Selangor. Pembayaran tersebut telah dilaksanakan oleh Tn Hj Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial BMMB kepada D.Y.M.M Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah AlHaj bertempat di Masjid Kampung Klang Gate Baru, Gombak .

MAJLIS AGIHAN ZAKAT KEPADA KAKITANGAN SOKONGAN BANK MUAMALAT



21 MAC 2025 - Majlis agihan zakat kepada Kakitangan Sokongan Bank Muamalat, iaitu terdiri daripada Kakitangan Pos Malaysia, Pekerja Am, Polis Bantuan dan KOPUTRA sebanyak RM1,500 bertempat di Tingkat 6, Bilik Pahang, Bank Muamalat. Agihan zakat telah disampaikan oleh Yg Berusaha Tn Hj Radzuan Ab Rahman, Pengurus Jawatankuasa Zakat, Yg Berusaha Dr Muhammad Izuwan, Jawatankuasa Zakat, Yg Berusaha En Safuan, Jawatankuasa Zakat, dan Yg Berbahagia Tuan Hj Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial BMMB. Turut dihadiri Pn Nurul Asyiqin, Pegawai Shariah.



PROGRAM MAJLIS KHATAM AL QURAN PERDANA & SUMBANGAN WAKALAH ZAKAT BMMB 2025



22 MAC 2025- Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah menyumbangkan wakalah zakat kepada 10 organisasi di Pahang bertempat di Masjid Imam Ash-Shafie, Kuantan. Penerima tersebut adalah Masjid Al Munir Kg Selamat sebanyak RM4,000, Masjid Imam Ash Shafie sebanyak RM4,000, Masjid Al Falah sebanyak RM2,000, Masjid Sultan Ahmad Shah sebanyak RM2,000, Musolla Ar Raudah, Pelindung Perdana Kuantan sebanyak RM2,000, Sekolah Menengah Kebangsaan Chini Timur sebanyak RM8,200, Sekolah Menengah Kebangsaan Peramu Jaya sebanyak RM9,650, Masjid Qariah Pulau Pasir Mandi sebanyak RM3,000, Surau Al Falah Taman Keladan Indah sebanyak RM2,000, dan yang terakhir SMK (Agama) Al-Ittihadiah sebanyak RM6,600. Sumbangan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial BMMB dan disaksikan oleh YM Tengku Dato' Seri Uzir bin Tengku Dato' Ubaidillah, Penasihat Masjid Ash-Shafie, Kuantan.

PROGRAM SEBUAH KEIKHLASAN, SEJUTA KEBERKATAN DI RUMAH KANAK-KANAK SULTANAH HAJAH KALSON



22 MAC 2025 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah mengagihkan wakalah zakat berjumlah RM10,000 kepada Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajah Kalsom. Sumbangan ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial BMMB kepada Pn Murni Azraniza Binti Umar, Pengetua Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajah Kalsom dan disaksikan oleh Datin Firdhaus Binti Md Yatim, Ahli Lembaga Pelawat, Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajah Kalsom.

MAJLIS AGIHAN ZAKAT KEPADA PERKIM CAWANGAN AMPANG



22 MAC 2025 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dengan penuh keprihatinan telah menyumbangkan wakalah zakat berjumlah RM10,000 kepada PERKIM Cawangan Ampang, Selangor. Sumbangan telah diserahkan oleh Cik Wan Nuraihan Hj Ab Shatar, Pengurus Jabatan Kewangan Sosial BMMB kepada Dato' Ir Che Ariffin bin Hassan, Pengerusi PERKIM Cawangan Ampang. Turut hadir, Pn Judy Stephen Abdullah, Pengurus cawangan Ampang Point BMMB. Semoga sumbangan ini menggembirakan komuniti mualaf dan membantu mereka menyempurnakan ibadah di bulan Ramadan dengan lebih bermakna.

MAJLIS AGIHAN ZAKAT KEPADA PELAJAR ASNAF SK SEREMBAN JAYA



25 MAC 2025 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dengan penuh keprihatinan telah menyumbangkan wakalah zakat berjumlah RM6,700 kepada pelajar-pelajar asnaf SK Seremban Jaya. Sumbangan ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial BMMB kepada En Shahrim, Guru Besar SK Seremban Jaya. Semoga sumbangan ini membawa keberkatan dan manfaat kepada para pelajar asnaf SK Seremban Jaga, selari dengan komitmen kami dalam membina kehidupan yang lebih baik bersama.

MAJLIS AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF SEMPENA IHYA' RAMADAN DI SURAU AS SOBIRIN



25 MAC 2025 - Bank Muamalat Malaysia Berhad telah menyumbangkan wakalah zakat kepada 2 organisasi di Negeri Sembilan bertempat di Surau As Sobirin. Penerima tersebut adalah Surau As Sobirin sebanyak RM4,100 dan Masjid Kariah Kampung Gedok sebanyak RM800. Sumbangan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial BMMB kepada pengurus surau dan masjid yang terlibat.

MAJLIS PENYERAHAN KLINIK BERGERAK KEPADA KPJ OLEH BMMB



26 MAC 2025 - Pada 26 Mac 2025, satu majlis penyerahan rasmi telah diadakan oleh Global Komited Sdn Bhd kepada KPJ Healthcare dengan kehadiran urusetia Wakaf Selangor Muamalat sebagai saksi. Lori Klinik Bergerak WSM-KPJ telah siap dibaik pulih dalam tempoh tiga bulan. Klinik Bergerak ini dijadualkan untuk beroperasi semula selepas cuti Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini. Diharapkan klinik ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat, khususnya golongan Asnaf di Negeri Selangor.

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ZAKAT KEPADA SK TAMAN PAROI JAYA



27 MAC 2025 - Jabatan Kewangan Sosial dengan kerjasama Bank Muamalat Cawangan Seremban telah menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM9,000 kepada SK Taman Paroi Jaya. Majlis telah disempurnakan oleh Tn Hj Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial, yang menyerahkan sumbangan kepada Pn Siti Aishah Abdul Kadir, Guru Besar SK Taman Paroi Jaya. Sumbangan zakat tersebut telah memberikan manfaat besar kepada 90 orang pelajar asnaf yang kurang berkemampuan. Majlis ini turut dihadiri oleh Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, Ketua Penganalisis Ekonomi BMMB, bersama En Mohamad Hatta Amin, Pengurus Cawangan BMMB Seremban.

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN SMART INTERACTIVE TV KEPADA SMK TUANKU ABDUL RAHMAN RAWANG



27 MAC 2025 - Jabatan Kewangan Sosial telah menyerahkan sumbangan 2 buah Smart Interactive Tv Wakaf Selangor Muamalat berjumlah RM19,380 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abdul Rahman Rawang, Selangor. Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh Cik Wan Nuraihan, Pengurus Jabatan Kewangan Sosial, yang menyerahkan sumbangan kepada Datin Hajah Aliza Binti Mohd Ali, Pengetua SMK Tuanku Abdul Rahman. Sumbangan wakaf tersebut telah memberikan manfaat kepada pelajar sekolah terutamanya dalam penggunaan alat bantu mengajar yang lebih moden dan interaktif.

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN SMART INTERACTIVE TV KEPADA SMK SERI GARING RAWANG



27 MAC 2025 - Jabatan Kewangan Sosial dengan kerjasama Perbadanan Wakaf Selangor telah menyerahkan sumbangan 2 buah Smart Interactive Tv Wakaf Selangor Muamalat berjumlah RM19,380 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Garing Rawang, Selangor. Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh Cik Wan Nuraihan, Pengurus Jabatan Kewangan Sosial, diiringi Cik Anis Amirah Binti Mohd Kifly, Pegawai Perbadanan Wakaf Selangor yang menyerahkan sumbangan kepada Encik Mohd Azman Bin Osman Pengetua SMK Seri Garing. Sumbangan wakaf tersebut telah memberikan manfaat kepada pelajar sekolah terutamanya dalam penggunaan alat bantu mengajar yang lebih moden dan interaktif.

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ZAKAT KEPADA MASJID JAMEK BATU ARANG



27 MAC 2025 - Jabatan Kewangan Sosial dengan kerjasama Bank Muamalat Cawangan Rawang telah menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM5,000 kepada Masjid Jamek Batu Arang, Selangor. Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh Cik Wan Nuraihan, Pengurus Jabatan Kewangan Sosial, diiringi Muhammad Adam Danish bin Mohd Nasiruddin, wakil dari Cawangan Bank Muamalat Rawang yang menyerahkan sumbangan kepada Ketua Kampung Batu Arang. Sumbangan zakat tersebut telah memberikan manfaat kepada 50 asnaf yang kurang berkemampuan, serta membantu mereka dalam menyediakan keperluan untuk menyambut Syawal.

MAJLIS PENUTUPAN DAN KHATAM AL-QURAN PERINGKAT SK TELOK GADONG, KLANG



28 MAC 2025 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dengan penuh keprihatinan telah mengagihkan wakalah zakat berjumlah RM10,000 kepada pelajar-pelajar asnaf SK Telok Gadong. Sumbangan ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial BMMB kepada En Muhammad Hafiz Bin Bahari, YDP PIBG SK Telok Gadong dan disaksikan oleh Pn Suhaila Binti Muner, Guru Besar SK Telok Gadong. Semoga sumbangan ini membawa keberkatan dan manfaat kepada para pelajar asnaf SK Telok Gadong, selari dengan komitmen kami dalam membina kehidupan yang lebih baik bersama.

JAN 2025

JABATAN KEWANGAN SOSIAL

MARI MENDERMA BERSAMA JARIAH FUND BANK MUAMALAT



JARIAH FUND

Bank Muamalat

Pustaka Mesra OKU Penglihatan



Pembelian peralatan untuk rakaman buku audio dan pengeluaran buku braille untuk kegunaan OKU Penglihatan di Perpustakaan H.T. Ong, Kompleks MAB, Brickfields.



PUSTAKA MESRA OKU



Jumlah yang diperlukan

RM8,331.00

Mula menderma di sini:

<https://jariahfund.muamalat.com.my/>

#MuamalatCares

Jom
beramat
jariah.

World Islamic Banking
Excellence Award 2024



JAN 2025

JABATAN KEWANGAN SOSIAL

MARI MENDERMA BERSAMA JARIAH FUND BANK MUAMALAT



JARIAH FUND

Bank Muamalat

Cahaya Usahawan Autisme



Menyokong program keusahawanan NASOM bagi Kempen Kesedaran Autisme.

DuitNow
QR



CAHAYA USAHAWAN AUTISME



Jumlah yang diperlukan

RM8,850.00

Mula menderma di sini:

<https://jariahfund.muamalat.com.my/>

#MuamalatCares

Jom
beramal
jariah.

World Islamic Banking
Excellence Award 2024



JAN 2025

JABATAN KEWANGAN SOSIAL

MARI MENDERMA BERSAMA JARIAH FUND BANK MUAMALAT



JARIAH FUND Bank Muamalat

Vision For Education



Sumbangan cermin mata dan rawatan mata percuma untuk pelajar sekolah daripada keluarga B40 dan asnaf anjuran bersama PruBSN Prihatin.

DuitNow
QR



VISION FOR EDUCATION



Jumlah yang diperlukan

RM10,000

Mula menderma di sini:

<https://jariahfund.muamalat.com.my/>

#MuamalatCares

Jom
beramat
jariah.

World Islamic Banking
Excellence Award 2024



JAN 2025

JABATAN KEWANGAN SOSIAL

Ibu Pejabat, Menara
Bumiputra, 21 Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: +603-2600 5500
www.muamalat.com.my



03 2600 5500
www.muamalat.com.my

